

| | | | |
|------------|---------------|---------|----------|
| TARIKH | 6 10 9 1 2013 | SEKSYEN | Nasional |
| MUKA SURAT | 14 | RUANGAN | Setempat |

TH PERKENAL PERKHIDMATAN DAFTAR MASUK

Kemudahan terbaru

Daripada Badrila Jamlus
di Madinah
jbad@mediaprima.com.my
Madinah


Tabung Haji (TH) buat julung kalinya akan memperkenalkan kemudahan terbaru di Madinah tahun ini iaitu perkhidmatan daftar masuk (City Check-In), untuk keselesaan jemaah haji Malaysia memu-
naikan ibadat haji bagi musim haji 1434 Hijrah.

Menerusi perkhidmatan itu, bagasi setiap jemaah haji akan ditimbang dan diperiksa terlebih dulu menggunakan mesin pengimbas yang ditempatkan di setiap pintu masuk hotel penginapan jemaah sebelum urusan daftar masuk dilakukan oleh kakitangan TH dan wakil syarikat penerbangan.

Naib Konsul Haji di Jeddah, Mohd Zawawi Bostam berkata, perkhidmatan yang selari dengan sambutan jubli emas TH ke-50 tahun itu, akan membabitkan jemaah haji Malaysia yang berlepas pulang dari Madinah selepas selesai menunaikan ibadat haji di Makkah.

"Perkhidmatan ini membabitkan fasa kedua jemaah haji yang tiba dari Makkah ke Madinah dan penghantaran pulang bagasi mereka akan diuruskan oleh TH serta terus ke pesawat yang akan berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa Putera Mohammed bin Abdulaziz Madinah," katanya pada majlis taklimat media mengenai operasi haji di sini, semalam.

Beliau yang merangkap Pengarah Operasi Haji di Madinah berkata, selain perkhidmatan daftar masuk bagasi, TH turut menyediakan perkhidmatan pengeluaran wang, pembayaran dam, kaunseling ibadat, penghantaran bagasi secara pos dan



MOHD Zawawi di hadapan hotel penginapan jemaah haji Malaysia di Kota Madinah

pusat rawatan kesihatan di Al-Haram, Al-Saha dan Anwar Al-Madinah. Move-
bangunan Alaa Aldeen
yang terletak berhampiran bandar Madinah.

Katanya, pada musim haji kali ini, TH menyewa tiga hotel di Madinah iaitu Al-Haram, Al-Saha dan Anwar Al-Madinah. Move-

FAKTA
Menerusi perkhidmatan itu, bagasi setiap jemaah haji akan ditimbang dan diperiksa terlebih dulu menggunakan mesin pengimbas

pick yang terletak berhampiran Masjid Nabawi untuk menempatkan jemaah haji yang tiba di Madinah.

Mohd Zawawi berkata, seramai 14 pegawai perubahan akan ditempatkan di pusat rawatan kesihatan di Alaa

Aldeen yang dilengkapi dengan kemudahan perubatan bagi jemaah yang memerlukan rawatan segera.

Selain itu, beliau berkata, tempat penginapan jemaah haji dibahagikan kepada dua zon yang membabitkan 4,000 jemaah setiap zon iaitu Zon 1 membabitkan hotel Al-Haram dan Al-Saha serta hotel Anwar Al-Madinah Movenpick di Zon 2.